

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]**

TARIKH : 25 MAC 2015

SOALAN :

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan berapakah harga pasaran dan jualan getah di Sabah,
Sarawak dan Semenanjung Malaysia bagi tahun 2012, 2013 dan 2014.
Dan nyatakan pengeluaran dan hasil getah di Sabah, Sarawak dan
Semenanjung bagi tahun 2012, 2013 dan 2014.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga jualan *Free on Board* (FOB) SMR 20 di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah sama berdasarkan kepada spesifikasi yang ditetapkan oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Bagaimanapun, harga *cuplump* di ketiga-tiga wilayah adalah berbeza dan bergantung kepada antara lain, Kandungan Getah Kering (KGK) serta kos dan margin pemprosesan yang ditetapkan oleh para pembeli getah. Purata harga *cuplump* di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan KGK 100% bagi tempoh 2012 hingga 2014 adalah seperti berikut:

i. Semenanjung

- a. 2012 : RM7.94 se kilogram (kg)
- b. 2013 : RM6.33 se kg
- c. 2014 : RM4.26 se kg

ii. Sabah

- a. 2012 : RM7.53 se kg
- b. 2013 : RM6.07 se kg
- c. 2014 : RM3.63 se kg

iii. Sarawak

- a. 2012 : RM7.11 se kg
- b. 2013 : RM5.88 se kg
- c. 2014 : RM3.59 se kg

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan kepada data Jabatan Perangkaan Malaysia, pengeluaran getah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah seperti berikut:

i. Semenanjung

- a. 2012 : 836,470 tan
- b. 2013 : 753,710 tan
- c. 2014 : 622,395 tan

ii. Sabah

- a. 2012 : 54,048 tan
- b. 2013 : 51,450 tan
- c. 2014 : 34,512 tan

iii. Sarawak

- a. 2012 : 32,280 tan
- b. 2013 : 21,260 tan
- c. 2014 : 8,571 tan

Sekian, terima kasih.